

SHOUT!

www.cfm.my

BULETIN SUKU TAHUNAN

Terbitan Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia

KDN PP 17752/11/2013 (033132)



INTERAKSI BERSAMA...

KEVIN ZAHRI

Cikgu Fitness Malaysia berkongsi kisah keluarga dan tip kecerdasan yang lebih praktikal

DIGITAL
**PAKAR
PEMULIHAN DATA**

5 TIP ELAK KEHILANGAN DATA DAN
CARA UNTUK PULIHKANNYA

AMARAN BUAT PEMBELI...

**PERANGKAP MEMBELI
DALAM TALIAN**

KETAHUI RISIKO SEMASA MEMBELI-BELAH
DALAM TALIAN



◆ Salinan
Percuma



consumer.forum.malaysia



CFM_Malaysia

SUKU PERTAMA 2015

NOTA EDITOR



Salam buat pembaca isu pertama SHOUT! 2015. Bermula dengan isu kali ini, saya akan mengambil alih tugas sebagai editor baru dan saya amat berbesar hati untuk menjadi salah seorang yang akan menerajui salah satu majalah yang mula dikenali di Malaysia yang akan terus memberi informasi berguna dan menjalankan usaha untuk melindungi hak pengguna dalam negara.

Dalam isu kali ini, SHOUT! sempat menemubual personaliti kecerdasan Malaysia, Kevin Zahri dan ketahui apa yang mendorong beliau untuk menceburi bidang tersebut pada halaman 8. Kami juga berkesempatan untuk mengetahui kisah di sebalik tabir seorang personaliti *online* yang kelakar dan semakin dikenali iaitu Faiz Dickie. Jom lihat karya terbaiknya dan bagaimana Faiz Dickie menghiburkan pengikutnya di laman sosial pada halaman 10.

Kami juga memuatkan artikel tentang pemulihan data dan tip mencegah kehilangan data. Kami berharap agar SHOUT! dapat memberi bahan bacaan yang baik buat anda dan jumpa lagi dalam keluaran akan datang!

Megat Ishak
Editor

KDN PP 17752/11/2013 (033132)

SHOUT! diterbitkan setiap suku tahunan oleh:
Communications and Multimedia Consumer Forum of Malaysia
6-02, 6th Floor, Wisma Straits Trading,
No 2, Lebuh Pasar Besar, 50050 Kuala Lumpur
T: 03-2692-3800 F: 03-2693-2288 W: www.cfm.org.my

Dicetak di Malaysia oleh:
Ultimate Print Sdn. Bhd., Lot 2, Jln Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200
Shah Alam, Selangor

Diedarkan oleh:
Hotspot Media

3	3 PERKARA YANG ANDA AKAN KETAHUI DALAM ISU KALI INI	11
6 JENIS PENIPUAN INTERNET DALAM TALIAN		11
Ketahui enam jenis penipuan internet yang sering berlaku dan cara untuk mengenal pastinya		
5 TIP UTAMA UNTUK ELAK KEHILANGAN DATA		14
Pastikan data peribadi anda selamat dengan mengikuti panduan yang diberikan		
4 APLIKASI KECERGASAN PILIHAN		12
Aplikasi kecerdasan ini akan menjadikan anda lebih cergas dalam masa singkat		

ISI KANDUNGAN


DIGIT	3
Ketahui bagaimana langganan mudah alih global berkembang, tren trafik data masa kini dan akan datang	
PAUTAN	4
Ketahui bagaimana CFM menghiburkan pelajar dan keluarga dalam aktiviti mereka yang membuatkan kehadiran mereka sentiasa diingati	
MEDIA SOSIAL - AMARAN BUAT SI PEMBELI	6
Ketahui beberapa risiko dan perangkap semasa anda membeli-belah dalam talian	
TOP GEAR – TEKNOLOGI TERKINI	7
Ketahui telefon pintar terkini dalam pasaran dunia dan kelebihannya seperti HTC One M9	
INTERAKSI – KEVIN ZAHRI	8
Cikgu Fitness Malaysia yang bukan sahaja sentiasa kekal cergas, tetapi juga seorang penulis dan pengacara TV yang berkongsi ceritanya bersama SHOUT!	
SANTAI - JENAKA DARI HATI	10
Ketahui kisah seorang personaliti <i>online</i> yang penuh dengan lawak yang akan membuat anda terpikat dan tak kering gusi dengan karyanya	
ISU BULETIN – TIDAK SEINDAH KHABAR	11
Enam jenis penipuan yang sering digunakan penjenayah siber hari ini dan cara untuk mengelaknya	
ZON APP – HIDUP SIHAT & CERGAS DENGAN MUDAH	12
Mahu kekal cergas tetapi tidak punya masa dan bajet yang cukup untuk ke gim? Ikuti beberapa aplikasi kecerdasan yang dapat membantu anda...	
MOBILITI – MEJA BANTUAN CFM	13
Jawapan kepada persoalan-persoalan yang sering ditanya oleh pembaca	
DIGITAL – PAKAR PEMULIHAN DATA	14
Ketahui bantuan daripada Klinik MyCyberSecurity yang dapat memulihkan data anda yang hilang atau rosak	

6.9 BILLION

langganan mudah alih global pada suku ketiga 2014

2.5 BILLION

langganan jalur lebar mudah alih global pada suku ketiga 2014



● LANGGANAN MUDAH ALIH GLOBAL SUKU KETIGA 2014



110 JUTA

langganan baru mudah alih global pada suku ketiga 2014

RAMALAN LANGGANAN MUDAH ALIH GLOBAL PADA 2020

Langganan mudah alih (bilion)



9.5 bilion langganan mudah alih

3.5 BILLION

langganan LTE pada penghujung 2020



Jumlah penambahan di 5 buah negara utama

India	+18 juta
China	+12 juta
Indonesia	+5 juta
Rusia	+4 juta
Amerika Syarikat	+4 juta

6.1 BILLION

langganan telefon pintar pada penghujung 2020

~90%

daripada langganan mudah alih pada penghujung 2020 adalah untuk jalur lebar mudah alih

RAMALAN TRAFIK APLIKASI MUDAH ALIH PADA 2020

~55%

daripada trafik data mudah alih adalah daripada video pada tahun 2020

Telefon pintar, komputer mudah alih, tablet dan router mudah alih dengan sambungan selular




650 juta langganan komputer mudah alih, tablet dan router mudah alih

Langganan komputer mudah alih, tablet dan router mudah alih
Langganan telefon pintar

Bahagian trafik data mudah alih mengikut jenis aplikasi (peratusan)

Rangkaian sosial menyumbang ~15% daripada trafik data mudah alih pada tahun 2014 dan akan mempunyai bahagian yang sama pada tahun 2020



Pada tahun 2014, video menyumbang ~45% daripada trafik data mudah alih



● CFM MEMERIAHKAN KAMPUS UiTM JENGKA

Sepanjang tiga hari berlangsungnya "Hari Organisasi Mahasiswa" dan Karnival Kampus Belia dari 27 hingga 29 Januari di kampus UiTM Jengka Pahang, CFM memeriahkan karnival tersebut dengan menyediakan pelbagai aktiviti menarik dan informasi berguna kepada pengunjung terutamanya pelajar kampus. Para pelajar berpeluang menyertai permainan interaktif yang disediakan di ruang pameran selain dapat mengetahui tentang hak-hak mereka sebagai pengguna melalui penerangan ringkas oleh sekretariat CFM.



● CFM KUNJUNGI KAMPUS UIAM

CFM mendekati golongan mahasiswa untuk berkongsi maklumat tentang pentingnya kesedaran mengetahui hak-hak sebagai pengguna dalam industri komunikasi dan multimedia. Atas sebab itu, CFM membuka ruang pameran di kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Petaling Jaya pada 24 hingga 26 Februari. Ruang pameran CFM yang bertempat di dalam kawasan kampus membuka peluang kepada pengunjung menyertai permainan berbentuk pendidikan selain dapat memenangi hadiah. Pengunjung juga dapat menyertai sesi fotografi secara percuma selain dapat mengetahui hak-hak mereka dalam industri.

● NAMA UNTUK SI MASKOT CFM!

Menyedari ramai daripada pengguna media sosial juga adalah pelanggan perkhidmatan telekomunikasi, CFM mendekati pengguna di seluruh negara daripada semua lapisan dengan mengadakan peraduan "Namakan Maskot CFM dan Menang" melalui Facebook. Peraduan tersebut bermula dari 2 Mac hingga 31 Mac 2015. Pemenang yang paling kreatif berpeluang memenangi hadiah utama iaitu iPhone 6 dan iPad Mini. Seramai 40 pemenang mingguan dengan penyertaan kreatif mereka diberikan hadiah mingguan seperti baucar tiket wayang, baucar KFC dan baucar aiskrim Baskin Robbins. Sambutan yang diterima CFM sepanjang peraduan ini berlangsung amat menggalakkan dengan begitu banyak penyertaan diterima daripada pengguna. Dan nama yang terpilih bagi mascot CFM ialah ...? Nantikannya dalam isu yang akan datang!



● PERKONGSIAN ILMU BERSAMA RAKAN BARU DI SESI CERAMAH

Pada 4 Februari, CFM hadir di Forum Pendidikan Pengguna Negeri Sembilan untuk berkongsi maklumat tentang hak pengguna Malaysia yang diadakan oleh Persatuan Pengguna Negeri Sembilan (NESCA) di Sekolah Menengah Tengku Muhammad, Kuala Pilah. Dengan penerangan yang diberikan, ahli-ahli NESCA mendapat pengetahuan yang lebih mendalam bagi menjaga kepentingan pengguna daripada amalan yang tidak adil dalam industri. CFM berharap forum sebegini akan diadakan lagi pada masa akan datang kerana dapat memberikan pendedahan meluas dan menjalin hubungan yang lebih baik bersama persatuan pengguna.

● CFM ADAKAN PERMAINAN MENARIK DAN BERKONGSI PENGETAHUAN DI UTEM

Pelajar di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) berpeluang untuk memperluaskan pengetahuan dan pengalaman mereka melalui aktiviti yang diadakan oleh CFM dalam Karnival Kampus Belia di UTEM pada 9 hingga 12 Mac. Selain daripada ruang pameran yang diisi dengan pelbagai aktiviti menarik dan sesi ceramah ringkas kepada para pelajar, dalam karnival itu CFM juga mengajar cara-cara untuk menyelesaikan pertikaian berkaitan industri seperti panggilan terputus dan liputan kurang memuaskan melalui saluran yang betul sambil menyertai permainan dan peraduan soal jawab yang menghiburkan.



● CFM SERTAI MAJLIS PERASMIAN PUSAT INTERNET 1MALAYSIA

Pada 15 Mac lalu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah melancarkan Pusat Internet 1Malaysia dalam usaha memperkasakan masyarakat setempat di kawasan yang kurang liputan agar mereka dapat mengakses capaian internet secara meluas dan turut menjadi sebahagian daripada pembangunan negara. Majlis pelancaran tersebut dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan yang disaksikan oleh tetamu jemputan dan pihak media. CFM turut menjadi sebahagian daripada majlis tersebut dengan mengambil bahagian dalam aktiviti pameran dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat di kawasan Linggi tentang hak-hak mereka sebagai pengguna melalui penerangan berbentuk pendidikan dan aktiviti permainan.



● CFM JEJAK NEGERI DI BAWAH BAYU

Pada bulan Mac lalu juga, CFM telah berkunjung ke Sabah untuk mendekati badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi-agensi lain untuk mendidik mereka mengenai isu-isu berkaitan industri telekomunikasi dan hak-hak pengguna. Sesi perkongsian maklumat industri itu telah diadakan di Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu pada 20 Mac yang dihadiri oleh wakil-wakil NGO, agensi kerajaan, pihak media, pelajar universiti dan tetamu jemputan yang lain. Delegasi CFM yang diwakili oleh Encik Ahmad Izham Khairuddin selaku Pengarah CFM; bersama-sama wakil Altel iaitu Encik Azizan dan wakil Tune Talk iaitu Encik Chong Vun Cheung yang telah berkongsi cara-cara melaporkan aduan berkaitan pertikaian industri melalui saluran yang betul untuk memperoleh penyelesaian efektif. Pada masa yang sama, CFM juga telah menyertai PIKOM Fair Kota Kinabalu dengan membuka ruang pameran untuk mendidik pengunjung tentang hak mereka dan memberikan hadiah-hadiah menarik melalui penyertaan aktiviti yang dijalankan oleh CFM. Sepanjang PIKOM Fair berlangsung, CFM menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan anggaran seramai 600 orang telah mengunjungi ruang pameran CFM untuk mengetahui lebih lanjut tentang CFM dan peranannya dalam melindungi serta mendidik pengguna.

AMARAN BUAT SI PEMBELI

Risiko Membeli Dalam Talian



Membeli belah dalam talian ataupun *online shopping* mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Jika anda memilih untuk membeli barang dengan kaedah konvensional, anda perlu memandu ke pusat membeli-belah, mencari tempat letak kereta, bersesak dengan orang ramai untuk mencari barang yang anda mahukan dan berharap barang itu masih ada dalam stok simpanan, masih ada saiz yang sesuai untuk anda (jika pakaian), belum tamat tempoh (jika makanan) dan tiada kerosakan pada barang tersebut. Itu yang anda perlu lalui untuk mendapatkan barang kemahuan anda.

Ia berbeza jika anda membeli belah melalui dalam talian kerana anda tidak perlu melakukan semua perkara tersebut yang kadang-kadang merumitkan anda. Apa yang anda perlu lakukan ialah hanya terus ke laman web membeli-belah kegemaran anda seperti Shopify atau Amazon, cari apa yang anda mahu, bayar menggunakan kad kredit dan siap! Barang-barang itu akan sampai ke rumah anda dalam masa beberapa hari sahaja. Harapnya begitu.

Jika apa yang dibeli sama seperti yang dimahukan pembeli akan merasa senang hati. Namun tidak semua mendapat seperti apa yang dibayangkan, seperti saiz pakaian yang salah dan lebih teruk lagi produk yang dibeli

itu rosak. Tapi sebenarnya mereka berasas baik kerana ada sesetengah pembeli langsung tidak mendapat barang atau produk yang dibeli. Lebih malang lagi, produk yang dibeli itu tidak dapat dimiliki jika penjual tersebut lari dan melesapkan wang yang anda bayar.

Membeli-belah dalam talian bukanlah satu bentuk penipuan kerana terdapat peniaga yang jujur dan memberi tawaran yang baik. Yang paling penting ialah anda perlu melakukan sedikit kajian dan tahu bagaimana untuk menguruskan risiko sebelum anda melakukan sebarang transaksi.

Ikuti enam tips di bawah dan langkah-langkah yang anda boleh amalkan untuk pembelian dalam talian dan anda akan dapat mengelak daripada ditipu. Jaminan keselamatan yang paling utama jika anda membeli ataupun melakukan sebarang urus niaga di laman web Malaysia ialah dengan menyemak kehadiran logo Malaysia Trustmark, simbol yang menunjukkan laman tersebut telah diiktiraf bagi memenuhi peraturan keselamatan yang ditetapkan CyberSecurity Malaysia, iaitu pusat pakar keselamatan ICT yang bertauliah bagi kerajaan Malaysia. Jadi ingat: berhati-hati semasa membeli!

SENARAI SEMAK PEMBELI ONLINE SHOUT!

#1 SEMAK REPUTASI PENJUAL

Semak maklum balas di laman web penjual dan lihat jika terdapat komen positif daripada pembeli yang sah. Anda juga perlu tahu berapa lama penjual telah melakukan perniagaan? Adakah terdapat sebarang maklum balas negatif? Jika ada, bagaimana ia diselesaikan oleh penjual? Jadi, semak sebelum anda lakukan pembelian.

#4 SEMAK KOS TERSEMBUNYI

Beberapa tawaran yang diberikan penjual nampak menarik tetapi ia tidak termasuk kos penghantaran atau kos-kos lain seperti yuran keahlian atau pembelian barang tambahan lain dalam pesanan anda. Semak pesanan anda dengan sebaiknya jika terdapat sebarang kos tersembunyi.

#2 PERIKSA PRODUK YANG DIJUAL

Terdapat banyak kes daripada pembeli yang mendapat barang lain daripada yang dibeli, seperti produk yang dijual tidak sama dengan keterangan yang diberikan. Baca semua butiran secara terperinci dan tanya seberapa banyak soalan yang anda perlukan kepada si penjual.

#5 ADAKAH LAMAN WEB TERSEBUT SELAMAT?

Semak alamat laman web tersebut jika ia bermula dengan *https* dan bukannya *http* dan juga lihat pada simbol berbentuk ibu kunci yang terletak pada petak alamat pelayar web anda. Jika barang dihantar secara khidmat '*cash on delivery*', bawa rakan anda semasa pengambilan barang dan lakukannya di tempat awam.

#3 ADAKAH IA MEMPUNYAI SIMBOL TRUSTMARK?

Semak logo Malaysia Trustmark pada website penjual. Klik pada logo tersebut dan ia akan menunjukkan sijil pengesahan. Laman web yang sah juga akan dipaparkan pada portal pendaftaran dalam talian Trustmark iaitu di mytrustmark.cybersecurity.my/VWR.html

#6 HADKAN JUMLAH KERUGIAN ANDA

Bil anda membeli secara dalam talian, pastikan anda menggunakan kad kredit yang mempunyai had kredit yang paling rendah. Dengan cara itu, jika berlaku sesuatu penipuan atau perkara buruk, anda tidak kehilangan segala-galanya.

=TOP= GEAR

TEKNOLOGI TERKINI DARIPADA KONGRES DUNIA MUDAH ALIH 2015

Dari Barcelona, Sepanyol, team SHOUT! telah menjelaki ruang pameran Kongres Dunia Mudah Alih (MWC) 2015 untuk mengetahui peranti baru paling hangat di dunia. Beberapa teknologi komunikasi pengguna terbaik di dunia dari telefon pintar hingga ke peranti boleh pakai dikumpulkan di dalam satu acara. Berikut adalah peranti pilihan SHOUT! yang menjadi tarikan sepanjang tahun ini...

1



SAMSUNG GALAXY S6

RM 2599 www.samsung.com/my

Pengganti bagi Samsung S5 yang menjadi peranti utama Samsung sebelum ini muncul dengan dua variasi baru iaitu GALAXY S6 dan S6 Edge. Dengan ketebalan S6 yang hanya 6.8mm, berat 138g dan panel belakang berkaca dengan binaan aluminium yang menggantikan rekaan plastik menjadikan ia peranti yang direka sesuai untuk semua pengguna. Ia mempunyai paparan skrin QHD Super AMOLED 577ppi bersaiz 5.1-inci, kamera utama 16-Megapixel pada bahagian belakang dilengkapi lensa f/1.9 dengan fungsi OIS dan rakaman video pada mod 4K, dipadankan dengan kamera hadapan 5-Megapixel dengan lensa f/1.9 bersama-sama dengan pemproses Exynos teras yang hebat dan RAM 3 GB. S6 Edge mempunyai ciri seakan sama dengan S6. S6 dan S6 Edge dijual dalam saiz 32GB, 64GB dan 128GB dengan pelbagai warna seperti hijau zamrud, platinum emas, putih dan hitam.

2



SAMSUNG GALAXY S6 EDGE

RM 3099 www.samsung.com/my

3



HTC ONE M9

SGD\$ 1008 www.htc.com/sea

Pengganti bagi HTC One M8 iaitu One M9 tidak datang dengan banyak spesifikasi baru tetapi menjadikan peranti itu nampak lebih "seksi". Ia mengekalkan rekaan binaannya daripada blok aluminium walaupun ia telah diperhalus untuk menampakkan ia lebih premium sebelum ini. Paparan skrin bersaiz 5.5-inci HD penuh, pemproses terbaru Snapdragon 810, memori 3GB RAM dan muatan storan terbina 32GB memberikan tawaran menarik kepada pengguna. Kamera belakang boleh merakam sehingga 20 Megapixel manakala kamera hadapan menggunakan HTC Ultrapixel yang sesuai untuk selfie. Hadir dengan pilihan gabungan warna perak dan emas, ia juga boleh didapati dalam warna emas tulen dan merah jambu metalik.

4

XPERIA Z4 TABLET

RM 2699 www.sonymobile.com

Xperia Z4 tablet mempunyai ketebalan 6.1mm dan berat hanya 389 gram selain menggunakan sistem operasi terbaru iaitu Android Lollipop pada pemproses Snapdragon 810 2GHz yang dipadankan dengan RAM 3GB dan muatan dalaman 32 GB serta tablet saiz 10.1-inci dengan paparan skrin 2560 x 1660 pixel. Ia juga kalis air dan debu. Kamera belakang 8-megapixel dapat merakam imej dengan baik dan turut dilengkapi dengan sambungan LTE dan bateri 6000mAH yang mampu menawarkan masa penggunaan yang lama.



KEVIN ZAHRI

Kevin Zahri bukan lagi satu nama asing dalam dunia kecergasan dan kesihatan dalam negara. Beliau digelar sebagai Cikgu Fitness Malaysia dan bukan sekadar menjadi jurulatih kecergasan tetapi beliau juga merupakan seorang penulis, pengacara TV dan model. Walaupun jadual aktivitinya padat, Kevin Zahri sempat meluangkan masa bersama SHOUT untuk berkongsi kisahnya bersama pembaca...



Bagaimana anda bermula sebagai Cikgu Fitness?

Saya mula berminat dengan dunia kecergasan semasa sedang melanjutkan Ijazah Kejuruteraan di Universiti Northeastern di Boston, Amerika Syarikat. Saya rasa seronok dengan bidang tersebut dan mengambil kelayakan Latihan Kecergasan Atlet Amerika (AFTA) walaupun saya tidak merancang untuk menjadikan ia sebagai kerjaya seperti sekarang. Semuanya berlaku secara tidak dirancang.

Jika anda bukan seorang Cikgu Fitness, apa yang anda akan lakukan sekarang?

Saya akan menjadi seorang jurutera terlatih dan pakar teknologi. Sekarang ini pun saya lakukan sendiri pembangunan laman web saya dan mungkin saya akan bermula dengan bidang seperti itu.

Sebagai seorang Cikgu Fitness bagaimana anda memulakan hari anda?

Saya memulakan hari saya dengan cara yang lebih santai. Saya tidak bekerja di pejabat jadi saya akan memulakan hari dengan menikmati pemandangan dari balkoni rumah saya dengan rutin yang santai.

Bagaimana anda berehat dan bersantai pada hujung minggu?

Saya mempunyai kebebasan untuk menentukan jadual saya sendiri supaya hari-hari saya boleh menjadi sama ada seperti hujung minggu atau hari bekerja. Kebanyakan aktiviti kerja saya akan jatuh pada hujung minggu. Pada waktu lapang, saya akan bersukan, menonton bola sepak, bercuti atau bermain konsol permainan video saya.

Apakah rejim kecergasan yang sering dilakukan oleh Cikgu Fitness seperti anda?

Saya tidak mempunyai rejim kecergaan yang tetap dan saya juga tidak bersenam setiap hari. Saya suka melakukan pelbagai senaman jadi saya akan lakukan pelbagai rejim senaman mingguan saya dengan senaman di gim. Saya akan ke gim dua atau tiga kali seminggu dan akan melakukan aktiviti sukan lain seperti golf. Saya juga bukan seorang pelari tetapi ia adalah pilihan individu. Bila bercakip tentang senaman, ia bukanlah mengenai kuantiti sebaliknya kualiti yang lebih perlu diutamakan.

Dengan pelbagai makanan menarik yang ada di Malaysia, bagaimana anda dapat mengekalkan berat badan namun pada masa yang sama boleh menikmati makanan tanpa perlu berlepasan dan tidak perlu bersenam secara berlebihan?

Anda boleh menikmati makanan namun perlu ada ukurannya setiap hari. Itulah antara intipati bagi program kecergasan 'Jom Kurus' kendalian saya. Ia bukan mengenai tahan lapor dan menjalankan diet yang ketat tetapi semuanya tentang keseimbangan dan nikmat hidup.

Apakah pencapaian yang paling membanggakan dalam hidup anda?

Bergelar seorang ayah. Saya bersyukur kerana dapat memiliki dua orang cahaya mata yang amat bermakna dalam hidup saya. Ia memberikan erti kejayaan, matlamat dan makna yang sebenar buat saya.



Bagaimana anda mendekati pengikut anda?

Saya mempunyai akaun media sosial seperti Facebook dan Twitter. Laman web saya iaitu www.kevinzahri.com adalah platform yang menghubungkan saya dengan pengikut-pengikut saya dan cara untuk saya berkongsi semua aktiviti media sosial dan kempen yang saya lakukan.

Bagaiman media digital dan sosial dapat memberi impak kepada kerjaya dan hidup anda?

Segalanya boleh berlaku melalui media digital dan media sosial dan menjadikan saya boleh bekerja dari rumah. Bahkan ketika saya menjawab soalan SHOUT ini, saya sedang duduk di sebuah kedai kopi bersama anak kecil saya. Momen seperti ini sangat berharga buat saya sekeluarga.

Apa perancangan anda pada masa akan datang?

Saya ingin memberi tumpuan untuk meluaskan nama dan jenama saya di dalam dan luar negara.

Adakah anda pernah mempunyai masalah dengan peranti digital atau perkhidmatan yang anda langgan? Jika ya, pernahkah anda laporkan aduan tentang peranti atau pembekal perkhidmatan anda dan adakah anda berpuas hati dengan penyelesaian yang diberikan?

la jarang berlaku tetapi tidak semua laman web dan perkhidmatan digital boleh dipercayai kerana mereka mahu anda untuk percaya.

Adakah anda tahu bahawa anda boleh melaporkan aduan yang tidak dapat diselesaikan oleh pembekal perkhidmatan anda kepada CFM?

Ya, saya tahu tetapi isu yang saya hadapi kadang-kadang bukan isu yang besar untuk saya laporkan aduan.

PILIHAN KEVIN

Berikut adalah aplikasi kegemaran Kevin Zahri



CNBC
PERCUMA
BOLEH DIDAPATI DI iOS DAN ANDROID

Aplikasi berguna ini memberikan anda perkembangan semasa daripada rangkaian berita CNBC termasuk maklumat pasaran dan kewangan yang tersedia untuk anda.



EUROSPORT
PERCUMA UNTUK iOS DAN ANDROID

Jika anda seorang peminat sukan, aplikasi ini dianggap satu aplikasi yang mesti dimuat turun. Ia memberikan anda berita dan perkembangan terkini tentang dunia sukan dari perlumba F1 ke sukan tenis.



TICKER: STOCKS PORTFOLIO MANAGER

PERCUMA UNTUK iOS DAN ANDROID

Aplikasi ini membolehkan pengguna mengurus dan memantau saham pilihan dan prestasi portfolio dengan isyarat masa sebenar.



MONEYWIZ – PERSONAL FINANCE
RM7.19 UNTUK ANDROID,
US\$4.99 UNTUK iOS

Perisian padat dan efisien yang membantu untuk mengendalikan kewangan anda. Ia boleh mengingatkan anda membayar bil dan akan menghitung bajet buat anda sehingga anda mendapat gaji seterusnya.



BLOOMBERG BUSINESS
PERCUMA UNTUK iOS DAN ANDROID

Aplikasi ini adalah berkaitan perniagaan. Ia memberikan anda berita terkini dari pelbagai kategori dan anda juga boleh membuat pilihan bagi senarai pasaran yang anda ingin tahu seperti Indeks Ekuiti, Bon dan sebagainya.

JENAKA DARI HATI

Personaliti online yang semakin dikenali ini mula mendapat perhatian dengan hasil karya humornya yang begitu dekat dengan kehidupan masyarakat Malaysia. Faiz Dickie berkongsi serba sedikit tentang kisah dan perancangannya pada masa akan datang.

Saya dikenali dengan nama Faiz Dickie di laman sosial Instagram dengan karya lawak atas jenama saya sendiri. Saya sedang melanjutkan pengajian di Universiti Sussex, United Kingdom. Saya bermula dengan menghasilkan komik-komik lawak dan video pendek berbentuk parodi dua tahun lalu sekadar untuk suka-suka tetapi ramai yang suka menontonnya sehingga ia menjadi seperti apa yang berlaku sekarang.

Saya mendapat inspirasi daripada orang-orang terdekat dan apa yang berlaku di sekeliling saya dan saya akan lakukan lawak sindiran tentangnya. Menerusi karya lawak saya, saya telah mencipta beberapa watak dalam sebuah keluarga dan watak yang paling saya gemari ialah 'Kak Leha Bunting' kerana personalitinya seakan sama dengan diri saya sendiri. Dia berperwatakan sarkastik, agak kasar tetapi sebenarnya sangat penyayang. Walaupun karya saya sekarang ini lebih tertumpu kepada masyarakat Malaysia tetapi saya akan cuba menghasilkan karya yang dapat memenuhi cita rasa audiens luar negara.

Proses bagi menghasilkan video atau komik seperti yang saya lakukan tidak memakan masa yang sangat panjang – proses penggambaran, suntingan dan pasca penerbitan agak ringkas. Namun, bahagian yang paling sukar ialah semasa proses kreativiti untuk mendapatkan idea dan isi bagi sesuatu karya. Saya akan pastikan setiap karya yang dihasilkan itu mempunyai mesej dan sebab itu ia agak mengambil masa lama. Bahagian keterangan (kapsyen) bagi setiap video atau gambar juga proses yang memakan masa kerana saya perlu pastikan setiap apa yang saya tulis tidak disalahertikan oleh mereka yang menontonnya.

Saya gunakan kombinasi komputer riba dan telefon pintar – iaitu Samsung Galaxy Note 3 dan iPhone untuk kerja-kerja saya. Saya merakam video menggunakan iPhone dan menggunakan aplikasi CuteCut untuk suntingan. Untuk komik pula, saya gunakan Note 3 kerana skrinnya lebih besar. Komputer riba pula saya gunakan bila saya perlu lakukan suntingan yang lebih rumit. Saya merancang untuk mendapatkan iPhone 6 Plus kerana ia mempunyai skrin yang lebih besar.

Saya menggunakan Instagram sebagai platform pilihan kerana ia adalah laman sosial yang popular ketika saya mula menghasilkan video dan komik lawak saya. Media sosial adalah sesuatu yang sangat hebat. Dengan hanya berkongsi sesuatu perkara, ia boleh disebarluaskan kepada berjuta pengguna. Ia mesti digunakan dengan berhati-hati kerana ia boleh digunakan sama ada untuk tujuan baik atau buruk. Populariti adalah sesuatu yang sementara, jadi saya hanya mengikut haluan masa sejauh mana yang mampu saya lakukan buat masa sekarang ini dan akan datang. Saya berharap untuk menjadi seorang ahli akademik dan berkongsi pengalaman saya sebagai selebriti media sosial kepada generasi baru Malaysia.



"Media sosial adalah sesuatu yang sangat hebat... ia mesti digunakan dengan berhati-hati kerana ia boleh digunakan sama ada untuk tujuan baik atau buruk."

—Faiz Dickie

PILIHAN FAIZ: TIGA VIDEO YANG AKAN MEMBUAT ANDA TIDAK KERING GUSI



Sarabanon
https://youtu.be/ludal5J8B_s

Video pertama saya yang membuatkan saya mempunyai ramai pengikut, menceritakan seorang gadis bernama Sarabanon yang tetap sesat walaupun menggunakan bantuan GPS.



Empat Soalan
https://youtu.be/r24_mn_omhU

Video lawak ini berkisar tentang empat soalan utama dalam hidup yang sering ditanya kepada seseorang dan jawapan yang sering diberikan.



Rindukan Ibu
<https://youtu.be/PV7-Xz00y6s>

Video pendek tentang pengalaman saya sendiri yang berada di luar negara dan realiti hidup berjauhan dari kampung halaman.

TIDAK SEINDAH KHABAR

Internet merupakan pusat pengetahuan tetapi pada masa yang sama turut mempunyai ancaman bahaya kepada pengguna. Ketahui 6 jenis penipuan internet yang sering berlaku kepada pengguna tanpa mereka sedari.



Sebelum ini, tentu anda pernah melihatnya di sudut-sudut laman web ketika melayari Internet. Sama ada iklan berbaya di Facebook, iklan pop-up di laman web dan blog atau emel yang dihantar dalam skala besar kepada anda. Semua itu dijalankan dengan giat untuk mencari mangsa terutama bagi yang mudah terpedaya. Sentiasalah berwaspada dengan penipuan berbahaya yang sering ditawarkan ini. Ingat: bila ada keraguan, katakan tidak!

Penipuan #1

Rawatan dan Diet Ajaib

Penipuan jenis ini akan menawarkan ubat dan rawatan daripada ‘pakar perubatan’ atau menggunakan ‘formula rahsia’ yang menjanjikan hasil tidak munasabah seperti menurunkan berat badan tanpa senaman, peniawar kanker dan banyak lagi. Jika betul ianya berhasil, ia sepatutnya telah dipreskripsi oleh doktor anda.

Penipuan #2

Penghantaran yang Licik

Penipuan jenis ini akan menawarkan semua jenis produk pada harga yang sangat murah dan biasanya mempunyai farmasi dalam talian yang mendakwa dapat menawarkan ubat yang terhad dijual tanpa memerlukan preskripsi. Produk-produk ini mungkin tidak akan sampai kepada anda, tiada kualiti atau pun palsu.

Penipuan #3

Peluang perniagaan

Dengan penipuan jenis ini, anda akan ditawarkan satu peluang perniagaan yang kelihatan sah dengan menyertai program yang memerlukan anda mendapatkan individu lain sebagai bayaran atau pelaburan untuk menjual produk. Cara ini biasanya adalah skim piramid atau Ponzi yang akan membuat anda lebih miskin.

Penipuan #4

Penipuan Dagangan Wang

Penipuan seperti ini menawarkan anda untuk turut serta dalam dagangan tukaran mata wang dan anda dijanjikan dengan pulangan ribuan Ringgit dengan hanya satu klik. Sebelum mengambil bahagian, anda perlu meletakkan wang tunai terlebih dahulu dan apabila anda memulakan urusan dagangan, anda mungkin akan kehilangan semua pelaburan anda.

Penipuan #5

kerja di Rumah

Anda perlu berhati-hati dengan tawaran bayaran bagi tugas yang dilakukan dari rumah seperti memasukkan data, membungkus barang atau seumpamanya. Penipuan ini berlaku jika anda membayar yuran penyertaan bekerja dan mungkin tidak akan diterima walaupun anda telah menyelesaiannya.

Penipuan #6

Percutian Luar Biasa

Penipuan seperti kemunculan iklan pop up yang mendakwa anda adalah pengunjung bertuah di laman web mereka atau telah terpilih untuk memenangi pelbagai hadiah, tetapi anda perlu melakukan pembayaran dalam kadar yang sangat tinggi untuk mendapatkan hadiah tersebut.

SENARAI SEMAK PENIPUAN INTERNET


Jika anda dapati sebarang emel, laman web atau cadangan gagal mengikut senarai di bawah, ia mungkin satu penipuan.

- Adakah syarikat tersebut mempunyai alamat pejabat yang keliuhan pelik atau tidak ada sama sekali, kekurangan butiran untuk dihubungi atau nombor pendaftaran syarikat?
- Adakah mereka menggunakan taktik yang memberi tekanan kepada anda untuk mendaftar atau membeli sesuatu daripada mereka?
- Adakah polisi pemulangan produk syarikat tersebut sukar difahami atau adakah mereka kekurangan jaminan bertulis tentang pemulangan wang?
- Baca dengan teliti laman web mereka. Adakah ia menggunakan tatabahasa yang betul? Adakah ia banyak menggunakan tulisan huruf besar dan iklan pop-up?
- Semak alamat emel mereka. Adakah emel itu daripada perkhidmatan emel percuma seperti Gmail atau Yahoo?
- Adakah tawaran melalui emel dihantar terus kepada anda secara peribadi? Adakah anda terima daripada individu yang anda tidak kenali?
- Adakah mereka menghubungi anda secara tiba-tiba dan menyatakan anda telah memenangi hadiah atau mendapat tawaran istimewa?
- Adakah mereka memohon anda untuk melakukan bayaran permulaan untuk menuntut hadiah atau mendaftar sebagai ahli?

HIDUP SIHAT & CERGAS DENGAN MUDAH

Lima Aplikasi Kecergasan Pilihan untuk Android dan iOS

Walaupun cara terbaik untuk membakar kalori dan menurunkan berat badan adalah dengan kerap pergi ke gimnasium, namun cara itu memerlukan pelaburan dari segi masa dan kos yang agak tinggi terutama bagi mereka yang mungkin bekerja pada lewat hari atau pada masa yang tidak menentu, lebih-lebih lagi jika gim tersebut terletak jauh daripada tempat kediaman. Atas sebab itu, pelbagai aplikasi kecergasan diperkenalkan dengan pelbagai senaman latihan diberikan yang dapat memberi motivasi kepada penggunanya bagi memastikan pengguna berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran.



ZOMBIES, RUN!

RM13.29 UNTUK ANDROID / US\$3.99 UNTUK iOS (APPLIKASI PALING DIGEMARI)

Merupakan aplikasi dengan kombinasi kecergasan dan permainan. Dalam 'Zombies, Run' anda akan menjadi si pelari pecut dalam dunia dahsyat yang dicipta dalam aplikasi ini dan anda perlu melengkapkan misi larian yang diberikan untuk menyelamatkan diri. Anda juga boleh berkongsi perkembangan anda dengan rakan-rakan online.



POCKET YOGA

US\$2.99 UNTUK iOS, RM9.85 ANDROID, US\$2.99 UNTUK WINDOWS 8

Anda boleh melakukan sesi yoga mengikut tahap kecergasan dan keslesaan anda di rumah sendiri dengan bantuan aplikasi ini yang akan memberikan arahan terperinci dalam bentuk audio berserta gambar bagi setiap postur. Walaupun ia bukanlah pengganti sepenuhnya bagi sesi yoga dengan jurulatih berpengalaman, namun ia dapat membantu anda untuk berlatih yoga.



7 MINUTE WORKOUT “SEVEN”

PERCUMA UNTUK iOS/ANDROID (APPLIKASI PALING DIGEMARI)

Aplikasi kecergasan ini akan memberi panduan kepada anda melalui satu siri latihan harian selama 7 minit yang telah diubahsuai untuk memberi manfaat kepada penggunanya dalam masa yang singkat. Ia dapat berfungsi secara offline yang tidak memerlukan sambungan data Internet, visual dan arahan yang mudah diikuti, dan anda tidak perlu membeli peralatan senaman untuk anda mulakan rejim senaman dengan aplikasi ini.



FITOGRACY

PERCUMA UNTUK iOS AND ANDROID

Jika anda merasakan anda kurang motivasi untuk bersenam, Fitocracy dapat membantu anda dengan memberikan dorongan tambahan. Dengan aplikasi ini, anda boleh memilih beberapa siri latihan yang ada di antaranya anda perlu lakukan senaman di gim, kemudian anda perlu melengkapannya untuk mendapatkan mata agar siri latihan lain dapat dibuka. Anda juga boleh berkongsi kejayaan anda dengan rakan-rakan dalam talian.

MEJA BANTUAN CFM

SURAT PILIHAN

PENGGUNAAN DATA TIDAK DIJANGKA

Q Baru-baru ini, saya telah membeli telefon pintar. Saya tidak pernah menggunakan atau melanggar sebarang pakej data dengan telefon saya. Pada akhir bulan, talian saya telah digantung dan saya dimaklumkan yang saya telah dikenakan caj sebanyak RM850 walaupun saya diminta untuk membayarnya sebanyak RM250, sedangkan saya percaya yang saya langsung tidak menggunakan sebarang data. Mohon penjelasan.



Omar

A Telefon pintar ada pelbagai tetapan dan aplikasi yang menggunakan data secara tidak langsung. Jika bergantung pada tetapan, telefon pintar akan menggunakan data jika GPS diaktifkan dan beberapa aplikasi akan sentiasa mengemaskini. Caj sebanyak RM250 dianggap sebagai penggunaan yang sah walaupun anda tidak mendaftar pakej data dan ia juga dianggap bayaran bagi setiap penggunaan. Semak tetapan telefon anda sebelum menggunakan dan langgan pakej pelan data yang anda mahukan sesuai dengan penggunaan anda.

DITIPU WAKIL PENJUAL

Q Saya merasakan saya telah ditipu oleh wakil penjual syarikat telekomunikasi yang pernah mempromosikan kad SIM percuma. Jurujual itu telah menggunakan no MyKad saya untuk tujuan pendaftaran namun tidak memberitahu saya tentang pakej yang didaftarkannya menggunakan kad SIM tersebut dan jurujual itu memberi jaminan bahawa caj tidak dikenakan jika saya tidak menggunakananya. Selepas sebulan, saya menerima bil atas nama saya sedangkan saya tidak pernah menggunakan dan mengaktifkan kad SIM tersebut. Adakah promosi seperti ini sah? Apa yang perlu saya lakukan agar kes seperti ini tidak berulang?

Loga

A Pada masa akan datang, jangan berikan MyKad anda kepada mana-mana jurujual sehingga mereka memberikan borang pendaftaran dan pastikan anda membaca terma dan syarat (dalam bentuk cetakan) tentang pakej yang dicadangkan dan dijual kepada anda. Untuk memastikan sama ada promosi tersebut sah, sila berunding dengan syarikat telekomunikasi di laman web rasmi atau hubungi mereka untuk penjelasan lanjut sebelum mendaftar sebarang pakej.

MASALAH DATA PERAYAUAN ANTARABANGSA

Q Saya melanggan pakej data perayauan semasa berada di Thailand selama 5 hari. Setelah pulang, saya terima bil yang sangat mengejutkan sebanyak RM2,500. Saya hanya gunakan Wi-Fi semasa percutian di sana dan tidak menggunakan data internet. Pembekal perkhidmatan saya menyatakan telefon saya telah menggunakan rangkaian syarikat telekomunikasi yang lain secara automatik yang menyebabkan bil saya melambung tinggi dan ia telah melebihi had kredit saya. Mengapa syarikat telekomunikasi berkenaan tidak menyekat penggunaan saya bila hal ini berlaku?

Albert

A Caj perayauan antarabangsa boleh menyebabkan kos yang tinggi. Jika anda perlukan tip untuk mengelakkan caj tinggi bagi penggunaan data perayauan, anda boleh dapatkannya dalam majalah SHOUT! dalam isu suku keempat 2014. Apabila menggunakan data perayauan, anda hanya boleh mendapat kadar pilihan dengan rangkaian kerjasama dengan pembekal perkhidmatan anda. Anda digalakkan agar mengubah rangkaian secara manual dan pastikan anda menutup fungsi tetapan perubahan rangkaian automatik yang akan menggunakan data anda jika sambungan Wi-Fi dimatikan. Cara ini dapat mengelakkan caj yang tinggi semasa berada di luar negara. Mengenai caj pula, ia tidak dibilang serta merta melalui rangkaian kerjasama kepada pembekal perkhidmatan anda menyebabkan notifikasi tidak dapat dikesan apabila anda telah mencapai had kredit panggilan kerana caj tersebut tidak dikemas kini secara langsung ke dalam akaun anda.

MEJA BANTUAN CFM

Anda ada pertanyaan atau pertikaian mengenai talian tetap, perkhidmatan mudah alih, Internet, TV atau radio? Hantarkan aduan anda kepada CFM melalui e-mel di aduan@cfm.org.my.

Aduan terpilih dan penyeliasan daripada pihak kami akan dikongsikan di bahagian ini agar pembaca dapat memahami tentang hak mereka sebagai pengguna.



COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA
CONSUMER FORUM OF MALAYSIA

PAKAR PEMULIHAN DATA

Komputer rosak dan data anda hilang? Klinik MyCyberSecurity oleh CyberSecurity Malaysia boleh membantu anda...



Bayangkan jika satu hari cakera keras komputer anda tiba-tiba berbunyi pelik sebelum skrin komputer anda bertukar kepada warna biru, kemudian ianya padam dan semua fail anda lenyap. Semua data telah hilang! Biasanya, semua media digital – dokumen, data, gambar, video dan nota-nota kecil yang disimpan dalam media storan dalam pelbagai bentuk seperti – cakera keras, kad SD atau pemacu kilat USB. Apabila berlakunya kerosakan, ia mungkin disebabkan kegagalan media storan atau kerosakan pada data itu sendiri.

Dalam kes seperti ini, media storan anda mengalami kerosakan fizikal sehingga menyebabkan data tidak dapat dibaca. Bagi kes kerosakan pada data, ia berlaku disebabkan virus atau pun sebab lain. Selain itu, data anda mungkin telah musnah.

Walaupun tidak semua data dapat diperolehi semula jika berlaku sesuatu yang tidak diingini, Klinik MyCyberSecurity

(MyCSC) memberi peluang terbaik untuk menyelamatkan data anda kerana mereka mempunyai akses kepada teknikal yang terbaik dalam negara pada harga yang berpatutan. Tetapi bukan itu sahaja. Jika anda perlu melupuskan komputer riba atau telefon pintar anda, klinik MyCSC iaitu hasil inisiatif CyberSecurity Malaysia merupakan satu-satunya agensi bertauliah di Malaysia yang mempunyai kapakanan untuk memastikan data anda dipadamkan sepenuhnya daripada peranti agar anda tidak perlu risau jika ada pihak yang cuba melakukan kecurian identiti, maklumat rahsia peribadi atau syarikat anda.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Klinik MyCSC dan bagaimana mereka boleh menyelesaikan masalah kehilangan data anda dan memadam data daripada peranti, lawati www.cybersecurityclinic.my

LIMA TIP ELAK KEHILANGAN DATA

TIP 1: SENTIASA BUAT SALINAN PENDUA UNTUK DATA

Kerap lakukan salinan pendua untuk data digital anda ke perkhidmatan storan awan seperti Dropbox, Google Drive atau WD My Cloud.

TIP 2: KERAP SELENGGARA PERANTI

Kerap lakukan aktiviti seperti disk defragmenter pada komputer anda mengikut jadual yang lebih tersusun.

TIP 3: KELUARKAN PERANTI SECARA MANUAL

Elakkan mencabut cakera keras atau pemacu kilat USB tanpa menanggalkannya secara manual. Anda mungkin boleh kehilangan data dan menyebabkan data anda rosak.

TIP 4: TIADA YANG KEKAL

Media storan seperti pemacu kilat USB dan cakera keras lama-kelamaan juga akan rosak dan gagal berfungsi. Untuk lebih selamat, simpan lebih banyak salinan pendua.

TIP 5: GUNA PERISIAN ANTI-VIRUS

Pasang perisian antivirus kepada peranti anda dan sentiasa kemas kini perisian tersebut.

KLINIK MYCYBERSECURITY

Ditubuhkan di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Klinik MyCyberSecurity diperkenalkan dengan tujuan bagi membantu orang ramai untuk memulihkan data dan menyediakan perkhidmatan forensik digital. Untuk menghubungi Klinik MyCyberSecurity bagi sebarang temu janji dan analisis, boleh hubungi:

Alamat: E-22 Ground Floor, Block E,
The Mines Waterfront Business Park,
No 3 Jalan Tasik,
The Mines Resort City,
43300 Seri Kembangan
Selangor, Malaysia

Laman Web: cybersecurityclinic.my
E-mel: enquiry@cybersecurityclinic.my
Telefon: +603 8946 0811
Faks: +60389460831

MEMBERS OF CFM

TELECOMMUNICATIONS

- Altel Communications Sdn Bhd
Celcom Axiata Berhad
DiGi Telecommunications Sdn Bhd (DiGi)
JARING Communications Sdn Bhd
Malaysian Mobile Content Providers Association (MMCPA)
Maxis Mobile Services Sdn Bhd
Packet One Networks (M) Sdn Bhd (Green Packet Berhad)
Pernec Paypoint Sdn Bhd
RedONE Mobile Sdn Bhd
Telekom Malaysia Berhad (TM)
TM Net Sdn Bhd
TT Dotcom Sdn Bhd
Tunetalk Sdn Bhd
U Mobile Sdn Bhd
YTL Communications Sdn Bhd

BROADCASTING

- Astro Radio Sdn Bhd
Asian Broadcasting Network (ABN)
Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd (ASTRO)
Sistem Televisyen (M) Bhd (TV3) / Media Prima Berhad TV Networks

CONSUMER ASSOCIATIONS

- Consumer Association of Miri (CAM)
Malaysian Consumers Association (MACONAS)
National Council Women's Organization Malaysia (NCWO)
Persatuan Kebajikan Pengguna Johor (JCWA)
Persatuan Kebajikan Pengguna Melaka
Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL)
Persatuan Pelindung Pengguna Kelantan (PELINDUNG)
Persatuan Pelindung Pengguna Pulau Pinang (PCPA)
Persatuan Pemilik-Pemilik Telefon Bimbit Malaysia (PERBIT)
Persatuan Pengguna Daerah Kuala Terengganu (PPDKT)
Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)
Persatuan Pengguna Kedah (CAKE)
Persatuan Pengguna Melaka Tengah (PPMT)
Persatuan Pengguna Negeri Sembilan (NESCA)
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)
Pertubuhan Pembimbing Kewangan Pengguna & Keluarga Malaysia (KPM)

EDUCATION

- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

ASSOCIATE MEMBERS

- Abdul Manaf Bohari
Messrs Raja Darryl & Loh
Muhammad Arifin Abdul Ghani

OTHERS

- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP)
Persatuan Ekonomi Pengguna & Keluarga Malaysia (MACFEA)